

Seni Helah dan Perbahasan Belanjawan 2024: Analisis Pragmatik

The Art of Evasion and 2024 Budget's Debate: Pragmatic Analysis

Muhammad Qhidir bin Mat Isa*

Abstrak

Integriti pentadbiran mana-mana kerajaan sebahagian besar terletak pada dasar kewangan yang relevan dan jelas seperti, Rancangan Jangka Pendek atau Belanjawan Tahunan. Secara periodikal, Belanjawan Tahunan sebagai komponen terpenting wacana Parlimen, akan dibentangkan untuk dibahas, sama ada disokong atau dikritik di kedua-dua Dewan Perwakilan. Pasti, perbahasan dan perdebatan berlaku mengkehendaki ahli-ahli politik menguasai seni beretorik, analitikal serta inferensial untuk menguasai dinamika legitimasi politik. Untuk itu, dokumen penting iaitu Penyata Rasmi adalah sumber substantial, merekodkan strategi dan seni Bahasa Berhelah semasa mempertikai-mempertahankan dasar, memainkan-meredakan isu, memperkuatkan-meruntuhkan imej yang menjadi penentu kepada integriti legitimasi Kerajaan mahupun Pembangkang. Walau bagaimanapun kajian korpus Penyata Rasmi pada topik Respons Berhelah sebelum ini hanya tertumpu kepada bentuk perbahasan struktural. Oleh sebab itu, tiga model Pragmatik digunakan iaitu *Framework of Respons Harris* (1991), *Notion of Implicator Thomas* (1995) dan *Dimension of Resistance Claymen* (2012). Kajian kualitatif ini bertujuan menganalisis sesi perbahasan yang lebih kompleks, intens dan natural iaitu dengan mengambil data perbahasan dasar Belanjawan 2024. Dapatan menemukan bahawa ketiga-tiga jenis Respons ada beberapa fitur distingtif dan pemilihan ketiga-tiganya berkadar kepada skala impak atas imej Kerajaan-Pembangkang. Selain itu, menambat kepada pelanggaran maksim-maksim Grice (1975) konfigurasi lakuan Bahasa Berhelah lebih mudah didefinitif serta dijustifikasikan. Terakhir, latar perbahasan peringkat dasar lebih heterogenous lantas memperkayakan performatif Bahasa Berhelah.

* Muhammad Qhidir bin Mat Isa ialah Pegawai Penerbitan di Parlimen Malaysia. Munsyi Muda Jabatan Perdana Menteri dan Munsyi Dewan (Bahasa)(Sastera) Dewan Bahasa dan Pustaka E-mel: qhidir@parlimen.gov.my.

Kata Kunci: Parlimen Malaysia, Belanjawan 2024, Ekonomi MADANI, Bahasa Berhelah, Pragmatik Melayu

Abstract

The integrity of the administration of any government largely depends on relevant and clear financial policies, for instance, Short-Term Plans or Annual Budgets. Periodically, the Annual Budget, the most important component of Parliamentary discourse, will be tabled for discussion, either to gain support or face criticism in both Houses of Representatives. Certainly, discussions and debates require politicians to master the art of rhetoric, analysis, and inference to navigate the dynamics of political legitimacy. For this purpose, the important document known as the Hansard serves as a substantial source, recording the strategies and art of Evasive Language in challenging-defending policies, addressing-mitigating issues, and strengthening-undermining the image that determines the integrity of the legitimacy of both the Government and Opposition. However, previous corpus studies by Hansard on the topic of Evasive Response have focused only on the structural forms of debate. Therefore, employing three Pragmatic models, namely Harris's Framework of Respons (1991), Thomas's Notion of Implicator (1995), and Claymen's Dimension of Resistance (2012), this qualitative study aims to analyse more complex, intense, and natural debate sessions, specifically the policy debate on the 2024 Budget. The findings reveal that all three types of Responses have some distinctive features, and their selection correlates with the scale of their impact on the image of the Government-Opposition. In addition, adhering to the Gricean Maxims (1975), the configuration of Evasive Language behavior is more easily defined and justified. Lastly, the discourse background at the policy level is more heterogeneous, thereby enriching the performative nature of Evasive Language.

Keywords: Malaysian Parliament, 2024 Budget, Ekonomi MADANI, Evasive Language, Malay Pragmatics

Pengenalan

Sistem terpenting institusi negara ialah sistem politik. Malaysia, sebagai sebuah negara Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan mentadbir dengan doktrin tripatri (*Tripartite*) yang membahagikan punca kuasa kepada tiga badan utama, iaitu Eksekutif (Kementerian-kementerian), Legislatif (Parlimen) dan Judisiari (Mahkamah Sivill dan Mahkamah Syariah). Kelazimannya, dasar kewangan yang berasal

daripada manifesto parti akan menjadi fundamental dan esensi pembangunan negara.¹

Dalam model pembangunan, Malaysia mengguna pakai tiga peringkat perancangan secara sinkronis, iaitu Rancangan Jangka Panjang, Rancangan Jangka Sederhana dan Rancangan Jangka Pendek.² Dasar pembangunan sosioekonomi Tanah Melayu pada era kolonial terawal bermula dengan perancangan lima tahun, iaitu dengan *Draf Pembangunan Malaya* (1950-1955) atau nama poplarnya *Buku Kuning*.³ Pascamerdeka, dasar pembangunan negara masih bersifat jangkauan lima tahun tetapi diberi jenama baharu sebagai *Rancangan Malaya*; *Rancangan Malaya Pertama* (1956-1960) dan *Rancangan Malaya Kedua* (1961-1965). Tertubuhnya Persekutuan Malaysia berdasarkan Perjanjian Malaysia 1963, sekali lagi memberikan nama baharu kepada dasar ini iaitu *Rancangan Malaysia*.⁴ Hingga kini, dari tahun 1966 terdapat 12 Rancangan Malaysia telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan.

Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) berbeza dengan jangka sederhana daripada segi jangkauan tahun dan matlamat.⁵ RRJP 1 misalannya bermula pada 1971-1990. RRJP 1 sebenarnya lebih popular disebut sebagai *Dasar Ekonomi Baru* (DEB). Dasar ini diperkenalkan oleh Kabinet Tun Abdul Razak bertitik tolak daripada tercetusnya rusuhan kaum iaitu tragedi 13 Mei 1969. Menurut Tun Abdul Razak⁶ dasar ini pada dasarnya adalah reformasi ekonomi mendesak sebagaimana kenyataan beliau;

Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat memberikan peluang kepada rakyat berbilang bangsa untuk menikmati kemakmuran negara dengan lebih adil dan saksama.⁷

-
- 1 I. Aman, "Manifesto Pilihan Raya Dan Prestasi Parti Politik Utama Malaysia Dalam Pilihan Raya Umum Ke-13: Suatu Analisis Linguistik" (2014) 10(4) *Malaysian Journal of Society and Space* 65-82.
 - 2 Kementerian Ekonomi, "Horizon Perancangan" (*Portal Rasmi Kementerian Ekonomi*, 19 Oktober 2020 <<https://www.ekonomi.gov.my/ms/pembangunan-ekonomi/pengurusan-ekonomi/horizon-perancangan>> diakses pada 29 Disember 2023
 - 3 Jabatan Perdana Menteri, "Pembangunan Ekonomi" (*Portal Rasmi Jabatan Perdana Menteri*, 1 Julai 2019) <<https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/Pembangunan-Ekonomi.pdf>> diakses pada 31 Disember 2023
 - 4 Jabatan Perdana Menteri (n 3) 2.
 - 5 Kementerian Ekonomi (n 2) 1.
 - 6 J. Faaland, *Dasar Ekonomi Baru: Pertumbuhan Negara Dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu*. (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2005)
 - 7 Jabatan Perdana Menteri (n 3) 10-12.

Kejayaan DEB awalnya diukur daripada dua indikator iaitu statistik kemiskinan dan kadar guna tenaga. Namun, ramai pengkaji berpandangan selepas 20 tahun pelaksanaan, DEB berjaya mencapai lebih daripada sasaran, iaitu kemiskinan bumiputera menurun dua kali ganda dalam tempoh 10 tahun dan pertambahan 145 peratus pendapatan B40 dalam pelaksanaannya selama 20 tahun meliputi RMKe-2 dan RMKe-5.⁸⁹

Pasca-DEB, Kabinet Tun Mahathir Mohamad pada 17 Jun 1991 melancarkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP 2). RRJP pada asasnya masih tertumpu kepada ranah sosial dan ekonomi dengan sasaran utama untuk mereformasi Malaysia daripada negara agrikomoditi kepada negara perindustrian baharu.¹⁰ RRJP2 bermula dengan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) sebagai dasar awal yang tidak lari jauh daripada acuan DEB. Walau bagaimanapun, DPN bawah Tun Mahathir Mohamad telah mula memberi suntikan baharu seperti peranan sains dan digital terutama sekali bidang perindustrian dalam DPN Fasa Kedua. Ketiga-tiga aspek tersebut dirangkulkan bersekali sebagai Wawasan 2020. Antara implimentasi bawah gagasan ini adalah dasar-dasar liberalisasi ekonomi seperti Dasar Penswastaan dan Dasar Pandang Ke Timur. DPM turut menjadi dasar utama merentasi RMKe-6 (1991-1995) dan RMKe-7 (1996-2000).

Kesemua peringkat dan jenis-jenis dasar kewangan di atas wajib dibentangkan dan dibahaskan di kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Semasa pembentangan, terdapat tiga peringkat perlu dilalui, iaitu bacaan pertama, bacaan kedua dan bacaan ketiga. Pada bacaan kali kedua iaitu perbahasan dasar, sering terjadi perdebatan yang intens, natural dan spontan kerana berlaku pertembungan langsung ideologi antara Kerajaan-Pembangkang. Ketika inilah, Ahli Parlimen (AP) Kerajaan dan Pembangkang akan saling berbincang, mengupas-berbahas, sehingga ke tahap lebih intens seperti mempersoal-menyangguh, mempertikai-menyangkal, menuduh-menangkis bagi meruntuhkan atau mempertahankan dasar yang akhirnya penentuan penguasaan medan wacana. Peringkat dasar ini lebih intens kerana strukturnya lebih subjektif dan terutama sekali fleksible, iaitu tidak

8 N. Yatim, "Berjaya Capai Sasaran Pendidikan DEB" Utusan Malaysia (Kuala Lumpur, 15 Jun 2022) <<https://www.utusan.com.my/rencana/2022/06/berjaya-capai-sasaran-pendidikan-deb/>>

9 Faaland (n 6) 4.

10 A. A. G. Hassan, & W.R. Fadzim, "Strategi Rancangan Pembangunan Ekonomi Negara" dalam A. A. G. Hassan (ed.), *Halatuju dan Cabaran Pembangunan Sektor dan Sumber Manusia dalam Rancangan Malaysia Kesembilan* (UUM Press, 2007)

teringkat kepada rujukan butiran, angka-angka atau nombor rujukan yang perlu disebutkan.

Oleh sebab itulah, perbahasan dasar sangat banyak menonjolkan aneka ragam kecerdasan, kecekapan, pola serta fitur-fitur komunikasi yang dikuasai oleh ahli-ahli politik. Fitur-fitur komunikasi ini akan diteliti daripada perspektif Linguistik-Pragmatik mengguna pakai data-data daripada dasar kewangan iaitu Belanjawan 2024, RMKe-12 yang membawa gagasan *Ekonomi MADANI: Memperkasakan Rakyat*.

Kajian literatur

Kajian bersumberkan Penyata Rasmi kebelakangan kini mulai bercorak kepada fenomena bahasa termasuklah hubungan ekonomi dan wacana politik. Meskipun secara numeratif kajian-kajian bersumberkan korpus Penyata Rasmi (*Hansard*) ini boleh dikatakan masih nominal, namun dapatan ditemukan sangat signifikan membantu kita memahami peranan bahasa dalam wacana politik. Beberapa kajian lampau yang menjadi rujukan utama adalah seperti berikut;

Kajian Abidin & Jan (2022) bertajuk "*A Pragmatic Analysis of Responses in Malaysian Parliamentary Discourse*"¹¹ menerapkan tiga model utama disiplin Linguistik-Pragmatik iaitu *Framework of Respons* oleh Harris (1991), *Notion of Implicator* oleh Thomas (1995) dan *Dimension of Resistance* oleh Clayman (2001). Menggunakan metodologi kualitatif sepenuhnya, kajian tekstual ini menumpukan kepada analisis kandungan (*content-analysis*) khusus menjustifikasikan fenomena kebahasaan iaitu "merespons" berbentuk soal-jawab semasa sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan.

Mengguna pakai empat set dokumen Penyata Rasmi, kajian ini merumuskan bahawa terdapat tiga jenis pilihan merespons ketara diguna pakai oleh Kerajaan bagi menjawab soalan Pembangkang iaitu Jawapan Langsung (*Direct Answer*), Jawapan Tidak Langsung (*Indirect Answer*) dan yang paling menarik ialah pilihan ketiga, iaitu jenis Respons yang dinamakan sebagai "Jawapan Berhelah" (*Evasive Answer*). Rumusan pengkaji menyatakan, ketiga-tiga pilihan ini ada motif-motif distingtif yang merelevansikan mengapa dan bagaimana ia digunakan oleh Menteri dan Timbalan Menteri semasa merespons kepada soalan diajukan. Selain itu, kajian turut menemukan bahawa apabila berhadapan

11 N.Z. Abidin, & J.M. Jan, "A Pragmatic Analysis of Responses in Malaysian Parliamentary Discourse" (2022) 4(2) *Journal of Pragmatics Research* 92-106.

dengan isu kepentingan bumiputera, strategi Jawapan Berhelah sangat ketara digunakan berbanding Jawapan Langsung dan Jawapan Tidak Langsung .

Kajian kedua adalah N. Z. Abidin, & J.M. Jan, (2023) berpandukan *Cooperative Principle* (Grice, 1975) and *Clayman's Levels of Resistance* (2012). Sebagaimana tajuknya "*Influence of (Non) Observance of Maxims on Evasion in Malaysian Parliamentary Question Time*"¹² penelitian lanjutan daripada kajian sebelum ini tertumpu kepada memahami karakteristik bahasa "Berhelah" (*Evasive*) berdasarkan kepada ketidakpatuhan (*non-observance*) kedua-dua model oleh Grice (1975) dan Clayman (2001;2012). Didapati, semasa menjawab secara berhelah, Menteri dan Timbalan Menteri memang dengan eksplisit melanggari Maksim-maksim Kerjasama Grice (1975) seperti;

- (i) Mengelak jawapan berbentuk tindakan, tetapi hanya memberikan bujukan jaminan (*Providing reassurance without a concrete answer*);
- (ii) Mengakui permasalahan tanpa ingin menangani isu berbangkit (*Acknowledging without addressing the issue*);
- (iii) Menyatakan langkah terdahulu telah diambil untuk menangani permintaan terkini (*Stating past actions taken to address the current request*);
- (iv) Menolak kebertanggungjawaban kepada pihak lain (*Shifting responsibility to another party*); dan
- (v) Menolak langsung seluruh Prinsip Kerjasama Grice (*Opting out of the Grice's Cooperative Principles*).

Kesimpulan yang dirumuskan oleh Abidin & Jan, (2023) adalah terdapat beberapa pola mengapa Menteri dan Timbalan Menteri eksplisit melanggar Prinsip Kerjasama Grice atau menolak terus kesemuanya sekali. Kesemua strategi ini dimanfaatkan secara dinamik dan relatif dengan tujuan utama iaitu mengelakkan kebertanggungjawaban kerana penting untuk menjaga Air Muka *Positive Face* pihak kerajaan. Kedua-dua pengkaji berpandangan bahawa pelanggaran maksim-maksim seperti Kuantiti (*Quantity*), Hubungan (*Relation*) dan Cara (*Manner*)

12 N.Z. Abidin, & J.M. Jan, "Influence of (Non) Observance of Maxims on Evasion in Malaysian Parliamentary Question Time" (2023) 25(1) *K@ta* 1-15.

sebagai darjah Helah (*Evasive*) yang minimum. Manakala gaya penolakan langsung seluruh Maksim Kerjasama Grice (*opting-out of the Grice's Cooperative Principles*) sebagai helah maksimum.

Menurut Abidin & Jan, (2023) Respons Berhelah (*Evasive Respons*) juga terbahagi kepada secara lisan dan bukan lisan. Helah lisan menurut kedua-dua pengkaji masih boleh dianggap sebagai memberi kerjasama terhad berbanding dengan helah bukan lisan yang diambil contoh sebagai kesenyapan total yang secara implikturnya sebagai penolakan kepada konsep asas Prinsip Kerjasama Grice iaitu "*kehendak segera bersama*" (*the common immediate aim*).¹³

Walaubagaimanapun, berdasarkan kedua-dua kajian di atas, didapati terdapat kelompangan iaitu bentuk-bentuk Respons dan juga pelanggaran sebagai strategi berhelah dalam sesi perbahasan yang lebih dinamik dan kompleks seperti perbahasan di peringkat dasar bagi Belanjawan 2024. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan bertujuan untuk;

- (i) Mengenal pasti dan menganalisis jenis-jenis Respons dengan *Framework of Respons* oleh Harris (1991), *Notion of Implicator* oleh Thomas (1995) dan *Dimension of Resistance* oleh Clayman (2001);
- (ii) Mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan Bahasa Berhelah berpandukan pelanggaran kepada Maksim Kerjasama Grice (1975) dan *Clayman's Levels of Resistance* (2012).

Terminologi teknikal

Berkaitan dengan kelompangan kajian di atas, terdapat konsep kata kunci yang perlu diperjelaskan relevansi terjemahannya terlebih dahulu kerana kajian ini bersifat teknikal disiplin Pragmatik berbantuan perbincangan analisis wacana kritis. Terminologi teknikal utama ialah "*Evasive*" berdasarkan rujukan pengkamus sesuai dipadankan dengan terma "Helah".

Berdasarkan analisis kamus, *Evasive* sebagai kata adjektif dijelaskan makna sebagai intuisi secara sengaja dan bermuslihat oleh seseorang untuk mengelakkan pernyataan jelas¹⁴. Ia juga merujuk kepada ketidakinginan untuk memberikan respons yang merugikan diri

13 Hassan & Fadzim (n 10) 23-25

14 HarperCollins Publishers, "*Evasive*", *CollinsDictionary.com* (2024) <<https://www.collinsdictionary.com/dictionary/english/evasive> diakses pada 31 Disember 2023

sendiri¹⁵ serta manipulasi untuk mengelakkan sesuatu yang buruk atau mengganggu¹⁶. Berdasarkan PRPM, “*Evasive*” diberi takrif “sifat berdolak-dalih, mengelak dan sukar difahami”¹⁷.

Daripada ketiga-tiga penjelasan makna kamus dinyatakan, *evasive* jelas membawa konotasi negatif lantas relevan dengan padanan terma “Helah” yang juga berkonotasi sama iaitu bermaksud “muslihat, tipu daya, alasan yang dibuat-buat, dalih, bersifat memperdaya, mengakali, menipu”¹⁸. *Evasion* yang bersinonim dengan *equivocation* yang menurut beberapa ahli Pragmatik merujuk kepada ujaran yang bersifat “kekaburan sengaja” iaitu *deliberate vagueness* (Goss & Williams, 1973); berniat menggunakan bahasa tidak jelas atau “*intentional use of imprecise language*” (Hamilton & Mineo, 1998); strategi lazim untuk merespons tanpa menjawab jelas soalan “*routine strategy for responding to a question without answering it*” (Dillon, 1990).

Evasion atau helah adalah kecenderungan pilihan yang digunakan apabila respons wajib diberikan dan tentunya mendatangkan kesan negatif kepada individu (Alfahad, 2016) dan disebabkan itu, pernyataan kabur diberikan atau subjek sengaja diubah “...*employ obscure statements or subject deliberately switches*” (Bavelas et al., 1988).

Selain itu, dalam *Dimension of Resistance Claymen* (20012) terdapat dua parameter analisis yang perlu diperjelaskan iaitu *Topical Agenda* dan *Action Agenda*. *Topical Agenda* merujuk kepada butir cakupan isu atau permasalahan yang dibangkitkan dalam komunikasi.¹⁹

Butiran dalam *Topical Agenda* wacana Parlimen biasanya terdiri daripada realiti umum atau statistik atau petikan terus daripada sumber-sumber rujukan tertentu. *Topical Agenda* atau permasalahan disentuh

15 Merriam-Webster Inc. “*Evasive*”, *Merriam-Webster Dictionary* (2024) <<https://www.merriam-webster.com/dictionary/evasive#dictionary-entry-1>> diakses kepada 31 Disember 2023

16 Cambridge University Press & Assessment, “*Evasive*”, *Cambridge Dictionary* (2024) <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/evasive> diakses pada 31 Disember 2023)

17 Dewan Bahasa dan Pustaka, “*Evasive*”, *Kamus Inggeris-Melayu Dewan* (2012) <<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=evasive&d=172780&#LIHATSINI>> diakses pada 31 Disember 2023

18 Dewan Bahasa dan Pustaka, “*Evasive*”, *Kamus Dewan Perdana* (2021) <<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=evasive&d=172780&#LIHATSINI>> diakses pada 31 Disember 2023

19 S.E. Clayman, “Conversation Analysis in the News Interview Context” dalam J. Sidnell & T. Stivers (eds.), *The Handbook of Conversation Analysis* (Wiley-Blackwell, 2012)

adalah sumber kepada bentuk kuasa atau tekanan yang dinamakan sebagai *responding burden*. Kuasa atau tekanan ini kemudiannya melalui proses membentuk tuntutan (*requirement*) melalui beberapa persoalan *WH-question*. Proses inilah yang dinamakan sebagai *Action Agenda*. Produk daripada proses ini kemudian disalurkan kepada pihak lawan bicara bersekali dengan beban merespons (*responding burden*).

Metodologi kajian

Kajian korpus ini pada asasnya mengguna pakai kaedah kualitatif ke atas 12 set Penyata Rasmi (*Hansard*) Dewan Rakyat daripada Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas. Cakupan isi kandungan perbahasan meliputi sesi-sesi seperti berikut;

- (i) Waktu Pernyataan-pertanyaan Menteri;
- (ii) Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan;
- (iii) Perbahasan rang undang-undang dibentangkan (bacaan pertama hingga diluluskan);
- (iv) perbahasan usul-usul persendirian dan Menteri;
- (v) perbahasan Belanjawan 2024; dan
- (vi) Penerangan Perdana Menteri, Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri.

Kebiasaanya, perbahasan persidangan yang diadakan pada akhir tahun khusus memfokuskan kepada pembentangan Rancangan Jangka Pendek iaitu Bajet Tahunan, dan untuk Mesyuarat Ketiga 2023 ini juga termasuk Belanjawan 2024.

Daripada segi teknikal dan prosedur arlimen, pembentangan Belanjawan 2024 dalam persidangan mempunyai prosedur dan terma khusus. Belanjawan ini tidak dirujuki secara teknikal sebagai "*Belanjawan 2024*" tetapi dirujuki dan dibentangkan sebagai "*Rang Undang-undang Perbekalan 2024*". Di Dewan Rakyat, Rang Undang-Undang Perbekalan ini, telah dibentang pada 13 Oktober 2023 dan dibahaskan di peringkat dasar dan jawatakuasa selama 25 hari. Dalam Mesyuarat Ketiga ini juga, Majlis Dewan Rakyat telah meluluskan 11 pembentangan dan pindaan rang undang-undang, lima usul Menteri dan Ahli Yang Berhormat, dua laporan awam iaitu Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 dan Laporan SUHAKAM serta pindaan khusus kepada Peraturan Mesyuarat Dewan.

Konsep Penyata Rasmi (*Hansard*) menurut May (2004) secara ringkas bermaksud; “*leaves nothing that adds to the meaning of the speech or illustrates the arguments*”. Oleh sebab itu, proses mengekstrak dan migrasi data juga dilakukan secara verbatim daripada korpus Penyata Rasmi.

Bagi objektif yang memfokuskan kepada Respons, seperangkat data disaring daripada 12 set Penyata Rasmi yang dianalisis dengan kaedah analisis kandungan (*content-analysis*) melalui model-model Pragmatik seperti *Framework of Respons* oleh Harris (1991), *Notion of Implicator* oleh Thomas (1995) dan *Dimension of Resistance* oleh Claymen (2012). Huraian kepada analisis tersebut pula dilakukan secara heuristik dan topikal. Berdasarkan ketiga-tiga model tersebut, bentuk analisis kandungan menggunakan tiga parameter iaitu *Topical Agenda*, *Type of Response*, *Action Agenda*.

Manakala bagi objektif kedua iaitu mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan Bahasa Berhelah (*Evasive Language*), Maksim Kerjasama Grice (1975) diaplikasikan bagi memahami apa, mengapa dan bagaimana bentuk-bentuk helah ini digunakan semasa perbincangan belanjawan.

Dapatan kajian bentuk-bentuk respons

Dalam kajian ini, didapati, Lakuan Bahasa Respons pada peringkat dan objektif pertama, dikenal pasti terdiri daripada tiga bentuk, iaitu Respons Langsung (*Direct Responses*), Respons Tidak Langsung (*Indirect Respons*) dan Respons Berhelah (*Evasive Respons*). Didapati juga, ada korelasi signifikan antara jenis Respons dengan imej pihak Esekutif Kerajaan.²⁰

Sama seperti dapatan Abidin & Jan (2022), bentuk Respons Langsung cenderung digunakan untuk jawapan-jawapan yang diyakini pasti menyumbang kepada imej positif kepada pihak Kerajaan. Sebaliknya, Respons Tidak Langsung digunakan apabila jawapan yang perlu diberikan sedikit sebanyak akan memberikan impak negatif.

Namun, berbeza kedua-dua di atas, lakuan bahasa ketiga iaitu Respons Berhelah (*Evasive Respons*) didapati mempunyai fitur distingtif daripada segi intensiti impak negatif, implikatur dan struktur soalan yang diajukan. Bertepatan dengan Bevales et al., (1988), “*evasion is employed when ... all of the possible replies to a question have significantly negative impact but nevertheless a reply is definitely liabled*”.

20 Faaland (n 6) 9.

Respons langsung (*Direct response*)

Menurut Clayman (2012) dan Abidin & Jan (2022), “Respons Langsung” (*Direct Respons*) adalah fitur Respons yang mempunyai kandungan dan kandungan itu adalah berkualiti yang sesuai untuk menangani terus keperluan satu-satu pertanyaan iaitu *Topical Agenda* dan *Action Agenda*. Kualiti yang baik dan bersesuaian ini dicerminkan oleh eksplisiti (*explicitly*) dengan adanya beberapa perkataan seperti “ya”, “tidak”, “tentu”, “benar” atau “salah” (Clayman, 2012).

Selain itu, ahli politik yang ingin menjawab secara terus biasanya “...*“copy” type answer involving deletion in response to question requesting polarity choice or the selection of one disjunct*” (Harris, 1991). Menurut beliau lagi, kebanyakan Respons Langsung sebegini juga mempunyai unsur-unsur penambahan seperti data, statistik, rujukan yang konkrit dan relevan sekali gus membantu menangani kemungkinan persoalan-persoalan berbangkit lain (*WH-question*) yang berkelanjutan daripada soalan asal; “...*responses which supply a value for missing variables in response to a “WH-question”*”.

Namun bagi Wilson (1990), beliau berpandangan bahawa Respons Langsung lebih terbuka, fleksible dan dinamik. Ia tidak terkongkong oleh kontinum dan dikotomi “ya-tidak”. Yang penting adalah jawapan tersebut pada kualiti dan kuantiti tertentu memenuhi keperluan soalan. Penyataan Wilson (1990) menawarkan pemahaman tentang lakuan bahasa “Respons Langsung” kepada dua peringkat iaitu; Semantik – menimbangankan kepada fungsi golongan kata atau kelas kata tertentu dalam ayat terhadap makna literal dan Pragmatik – menyelidiki sintaksis ayat, frasa serta simbiosisnya dengan sistem makna selain faktor implikatur, kerelevanan, konteks dan wacana.

Data 1 menunjukkan interaksi antara tiga Ahli Parlimen biasa (*backbencher*)²¹ berkenaan dengan isu pendidikan percuma dalam ucapan perbahasan dasar YB Tasek Gelugor bagi Rang Undang-Undang Perbelanjaan 2024 seperti berikut;

Data 1: DR 16 Oktober 2023²²

YB Sri Gading: Terima kasih. Pertama sekali, apabila disebutkan tentang PTPTN, selaku pernah menjadi pengerusi pada PTPTN, apa yang saya – yang kita dengar dalam Dewan yang mulia ini, ucapan daripada Parit

21 Dewan Bahasa dan Pustaka (n 17)

22 Dewan Rakyat Debat 16 Oktober, Bil. 54, 119

Buntar dan juga daripada Tanjong Karang tadi mengatakan bahawa seolah-olahnya PH yang memberikan janji. Sedangkan kalau kita lihat daripada apa yang banyak diutarakan tadi adalah berkaitan dengan ucapan daripada Kubang Kerian. Jelas. Itu satu.

...

YB Tasek Gelugor: *So, sat* ni Parit Buntar bagi kat saya jawapan. Saya nak jawab spesifik Sri Gading tadi.

Sebenarnya, betul semasa PRU14, memang berlaku janji yang ditawarkan. Pakatan Harapan ada janjinya. Saya duduk dalam sebelah Pakatan Harapan masa itu. PAS ada janjinya, Barisan Nasional ada janjinya.

Tetapi pada PRU-15— saya nak baca janji Pakatan Harapan pada PRU15. "*Pengampunan Hutang PTPTN Bersasar. Untuk mengatasi masalah pinjaman pendidikan tidak munasabah dalam kalangan siswa termasuk keberhutangan PTPTN pula, program pemansuhan hutang bersasar khas kepada golongan miskin dan isi rumah B40 akan diperkenalkan*". Ini janji Pakatan Harapan. [*Tepuk*] Jadi, tak ada dalam apa yang disebut oleh Tambun. Jadi, saya nak minta kita berhenti kat situ...

YB Hulu Langat: Sebab tempoh kerajaan ni sepenggal. Sepenggal ni lima tahun.

YB Tasek Gelugor: Jadi...

YB Hulu Langat: Lima tahun. Jadi, jangan jatuhkan.

YB Tasek Gelugor: Relakslah sekejap.

YB Hulu Langat: Jangan nak tebuk atap kerajaan ini.

YB Besut: Ini apa benda ni?

YB Hulu Langat: Biar kerajaan ni berjalan lancar. Biar kerajaan ni berjalan lancar lima tahun. *Insya-Allah*, saya rasa Perdana Menteri akan mengetengahkan...

Analisis kandungan adalah seperti berikut;

Konteks: YB Sri Gading menyanggah pernyataan YB Parit Buntar dan YB Tanjong Karang yang menurut beliau menimbulkan persepsi negatif kepada kerajaan tentang Belanjawan 2024 yang dikatakan kedua YB Pembangkang tersebut tidak mengotakan janji PH berkaitan PTPTN.

Topical Agenda: Menyanggah YB Parit Buntar dan YB Tanjong Karang dan mengatakan tawaran tersebut sebaliknya disebutkan YB Kubang Kerian "*mengatakan bahawa seolah-olahnya PH yang memberikan janji*"

Action Agenda: [*Ayat Penyataan*] Pihak Pembangkang dan Kerajaan saling mempertikaikan satu sama lain tentang janji penghapusan hutang

PTPTN “apa yang banyak diutarakan tadi adalah berkaitan dengan ucapan daripada Kubang Kerian”

Respons: YB Tasek Gelugor menyanggah kembali pernyataan dan memberikan respons balas memetik secara langsung pernyataan manifesto PH dalam PRU-15 iaitu: “...program pemansuhan hutang bersasar khas kepada golongan miskin dan isi rumah B40 akan diperkenalkan”.

Berdasarkan analisis Data 1, respons balas YB Tasek Gelugor dikategorikan sebagai “Respons Langsung”, yang terang dan eksplisit (Harris, 2001). Fitur distingtifnya adalah petikan terus daripada buku manifesto, relevan dalam *Topical Agenda* serta tepat dengan *Action Agenda* iaitu menyanggah kembali pertikaian oleh *backbencher* kerajaan.

Daripada perspektif wacana, respons balas YB Tasek Gelugor boleh dipertimbang sebagai contoh baik kerana menyumbang nilai positif pada imej Pembangkang sekali gus mencabar legitimasi kerajaan. Ini kerana, sanggahan kembali pihak kerajaan pada fiturnya lemah kerana tidak secara eksplisit seperti pembuktian tarikh, petikan langsung atau rujukan dokumen penting semasa mencelah. Beban atau imej negatif di sini adalah di pihak kerajaan.

Respons tidak langsung (*Indirect response*)

Data 2: DR 17 Oktober 2023²³

YB Pengkalan Chepa: Saya tak bagi laluan. Nanti Yang Berhormat boleh bercakap.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang terbatas, saya hendak sebutkan juga apa yang disebut oleh Ipoh Timur satu ketika dulu, yang *viral*, bising satu Malaysia. Ipoh Timur yang membacakan Al-Quran, isinya bukan semata-mata dibaca Al-Quran dan menterjemahkan, tapi lebih daripada itu. Apa yang berlaku adalah beliau menggunakan ayat itu sebagai dalil untuk menghukum Pembangkang sebagai *khawarij*.

Dalam disiplin ilmu Islam, ini bukan sekadar menterjemah atau mentafsir, bahkan cubaan meng-*istinbat*-kan, mengeluarkan hukum daripada Al-Quran atau nas syarak. Dalam ilmu Islam, perbuatan seperti ini hanya boleh dilakukan oleh seorang yang berkeahlian seperti ulama mujtahid.

23 Dewan Rakyat Debat 17 Oktober, Bil. 55, 71-72

▪ 1520

Saya nak tanya, Ipoh Timur belajar mana sehingga boleh jadi ulama mujtahid ini? Mufti atau institusi fatwa. Orang awam Islam pun tidak dibenarkan melakukannya.

...

YB Pengkalan Chepa: Nanti saya habis dulu. Saya akan bagi...
[Disampuk] Tak! Tunggu saya habis dulu.

YB Ipoh Timur: Dan apa yang disampaikan...
[Sistem pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]

...

YB Ipoh Timur: Perintah tetap, 36(6).

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau katakan bangkitkan isu peraturan, saya benarkan. Sebentar Yang Berhormat. Apa dia Ipoh Timur, dan bawah peraturan mana?

YB Ipoh Timur: Perkara 36(6). Sangkaan buruk dilontarkan kepada saya. Memetik nama saya secara tidak betul dengan sangkaan buruk yang dikatakan tafsir atau terjemah. Apa salah atas penterjemahan yang saya nukilkan?

YB Pengkalan Chepa: Ya, boleh saya jelaskan.

YB Ipoh Timur: Apa salahnya?

YB Pengkalan Chepa: Okey, saya jelaskan.

YB Ipoh Timur: Salah atau tidak?

YB Pengkalan Chepa: Nanti saya...

YB Ipoh Timur: Tanya dulu...

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua: Kedua-dua Yang Berhormat, kedua-dua Yang Berhormat, saya selesaikan satu per satu.

Sekarang ini saya nak dengar bila Yang Berhormat Ipoh Timur bangkitkan peraturan, Yang Berhormat sebentar ya. Sebentar, saya akan bagi ruang. Masa yang luang pun saya akan tambahkan. *No issue*. Baik, teruskan Yang Berhormat Ipoh Timur.

YB Ipoh Timur: Adakah penterjemahan yang dinukilkan oleh saya itu salah? Soalan nombor satu.

Keduanya, mengapakah di luar sana, ada ramai orang yang alim, orang yang berpengetahuan, bukan sahaja berpengetahuan secara nak cakap, yang punya kelulusan masing-masing yang menyatakan, "Sebenarnya Yang Berhormat Ipoh Timur, apa yang dinukilkan itu tak salah." Adakah Yang Berhormat lagi alim daripada mereka?

Ketiganya, sehingganya saya rasa saya terpaksa memohon maaf- atas kerana sudah memohon maaf.

Respons Tidak Langsung menurut Abidin & Jan (2022) adalah maklum balas yang umumnya masih relevan pada memenuhi *Topical Agenda* dan *Action Agenda*, meneruskan kontinum “ya-tidak” dan ada unsur-unsur huraian atau penambahan yang membantu menangani lanjutan “*WH-question*”.

Jelas Harris (1991), Respons Tidak Langsung umumnya masih relevan dengan konteks interaksi kerana ia dibantu pada fitur-fitur substansial seperti koheren, kohesi, praandaian, mekanisme praandaian dan koheren illokusi. Walau bagaimanapun, Respons Tidak Langsung mempunyai perimeter andaian makna yang sederhana longgar yang memberi ruang penerbitan makna-makna lain yang kabur.

Thomas (1995) dalam menjelaskan perbezaan ini menyatakan, timbulnya makna implisit antara pengucap dan pendengar adalah kerana muncul beberapa pelencongan-pelencongan sengaja terhadap asas komunikasi harmonis seperti mana digariskan Maksim Kerjasama Grice (1975). Pengucap secara eksplisit ingin mencurahkan kepada pendengar beberapa praandaian lain yang bentuknya sama ada berlainan atau memperluaskan batasan makna daripada makna literal asal.

Menurut Thomas lagi, makna utama tersimpul daripada beberapa praandaian yang dipertimbangkan pendengar secara teknikal dinamakan sebagai “*conversational implicature*”. Dalam erti kata lain, *conversational implicature* adalah produk daripada proses memahami dilalui pendengar sama ada dengan cara membezakan terus ataupun meluaskan cakupan makna daripada makna literal asal (Cruse, 2000). Analisis Data 2 adalah seperti yang berikut;

Konteks: Konfrontasi lisan antara YB Pengkalan Chepa dengan YB Ipoh Timur berkenaan isu penggunaan ayat Al-Quran oleh YB Ipoh Timur yang menurut YB Pengkalan Chepa berniat jahat untuk menimbulkan persepsi buruk di pihak Pembangkang bahkan tidak layak dilakukan YB Ipoh Timur. YB Ipoh Timur menyanggah dengan membangkitkan P.M. 36(6).

Topical Agenda: YB Pembangkang menyebutkan bahawa YB Kerajaan tersebut tidak hanya membacakan dan menterjemah ayat Al-Quran tetapi memanipulasikan sebagai “...dalil untuk menghukum Pembangkang sebagai *Khawarij*”. Beliau menegaskan bahawa hak “... mengistinbatkan, mengeluarkan hukum ... atau nas syarak hanya layak dalam kalangan pihak “... berkeahlian seperti ulama mujtahid”.

Action Agenda: [Ayat Soalan Retorik] Mempertikaian kelayakan pendidikan Al-Quran YB Kerajaan dengan ujaran; “*belajar mana sehingga*

boleh jadi ulama mujtahid ini? Mufti atau institusi fatwa. Orang awam Islam pun tidak dibenarkan melakukannya”.

Respons: YB Kerajaan membalas kembali dengan soalan retorik “*penterjemahan yang dinukilkan oleh saya itu salah?*”. Keduanya, menyatakan bahawa apa dilakukan beliau tidak salah kerana “*...ramai orang yang alim ... berpengetahuan punya kelulusan masing-masing ... menyatakan, “Sebenarnya Yang Berhormat Ipoh Timur, apa yang dinukilkan itu tak salah”* dan menyatakan atas sangkaan jahat terhadapnya beliau telah terpaksa memohon maaf.

Data 2 di atas berlatarkan isu yang hangat diperkatakan bahkan di luar Parlimen berkenaan dengan ayat Al-Quran dan salah seorang tokoh bukan Islam blok Kerajaan. Konfrontasi berlaku secara intens iaitu saling memotong percakapan antara keduanya dan dibangkitkan P.M. 36(6) berkenaan sangkaan jahat. Berdasarkan analisis kandungan, dalam *Action Agenda* apabila diajukan dengan pertanyaan berkenaan apakah sumber pendidikan yang mewajarnya YB Kerajaan dikatakan “*mengistinbatkan*”, “*mengeluarkan hukum*” atau “*menghukum*” Pembangkang sebagai “*Khawarij*”, respons balas daripada YB Kerajaan tersebut, masih kekal relevan dengan isu diulas.

Analisis lanjut mendapati, asas respons balas adalah jelas untuk menyatakan ketidaksetujuan dengan tanggapan YB Pembangkang. Namun, fitur respons balas dinyatakan tidak secara eksplisit menyatakan sumber pendidikan, tetapi melencong kepada tiga respons balas iaitu;

Pertama, menyempitkan pertikaian dengan soalan retorik bertanyakan dikotomi “*salah-betul*” hanya tentang “*penterjemahan*” dan “*penukilan*”. Kedua, memberikan pernyataan dengan alibi bahawa terdapat kelompok yang “*berpengetahuan, bukan sahaja berpengetahuan secara nak cakap, yang punya kelulusan*” yang mereka tidak menyatakan beliau salah. Ketiga, menyatakan bahawa beliau adalah “*mangsa*” sangkaan jahat Pembangkang.

Menurut Abidin & Jan (2022), pilihan respons ini digunakan apabila isu yang ditimbulkan tidak menguntungkan pihak merespons dan merujuk kembali pada Data 2, nyata kedudukan YB Kerajaan awal-awal lagi tidak dalam posisi neutral daripada segi imej atau menguntungkan kerana jelas latar pendidikan beliau sama sekali tidak mewajarkannya melakukan apa dinyatakan Pembangkang “*mengistinbatkan*” atau “*mengeluarkan hukum*”.

Berdasarkan Abidin & Jan (2022) juga, didapati respons balas jenis tidak langsung dalam Data 2 adalah berjela-jela (*long-winded*), melanggar

Maksim Cara (*Manner Maxim*) dan memberikan maklumat berlebihan atau relevan dengan pertanyaan iaitu tentang kelompok yang menyokong YB Kerajaan dalam isu ini.

Oleh sebab itu, kesannya Respons Tidak Langsung ini tetap produktif kerana masih merugikan di pihak YB Kerajaan. Kerugian ini diperjelaskan lagi dengan petua oleh YB Timbalan Yang di-Pertua yang menolak Peraturan Mesyuarat 36(6) yang dibangkitkan YB Kerajaan dengan penjelasan berikut; "... Yang Berhormat Ipoh Timur tidak, tidak memberi keterangan dengan jelas apa yang dimaksudkan bahagian atau frasa ucapan Yang Berhormat Pengkalan Chepa, yang dikaitkan dengan sangkaan jahat ...".²⁴

Respons berhelah (*Evasive response*)

Menurut Abidin & Jan (2022), Respons Berhelah adalah jenis ketiga yang berbeza dengan Respons Langsung dan Respons Tidak Langsung. Asas utama Respons Berhelah adalah kerana gagal untuk kekal dalam konteks iaitu menepati *Topical Agenda* atau *Action Agenda* ataupun kedua-duanya sekali. Ini kerana, Dillion (1990) menjelaskan bahawa bentuk Respons ini adalah strategi yang biasa digunakan hanya untuk memberi respons kepada soalan tanpa perlu menjawab secara jelas.

Menurut Bavelis et al., (1988) fitur distingtifnya berbeza dengan dua bentuk Respons sebelumnya pada ketidakjelasan (*vague*), pernyataan bolak-balik (*inconsistent statement*) dan menukar isu perbuatan (*subject switch*). Berdasarkan kajian lakuan Bahasa Berhelah khusus dalam kalangan ahli politik, didapati terdapat dua bentuk helahan yang kerap berlaku:

- (i) menolak untuk menjawab pertanyaan; dan
- (ii) melakukan penolakan khusus iaitu pada ketidakcukupan kualiti atau kuantiti jawapan. Sebagai contohnya hanya merespons sebahagian sahaja soalan atau memberi jawapan yang tidak relevan langsung (Clayman, 2012).

Menurut Clayman (2001) apa yang disebut sebagai "Penolakan" (*Resistance*) sama dengan aras keberhelahan (*level of Evasion*) yang pernah disebut oleh beberapa pengkaji lain seperti Rasiah (2007); Hanafe & Thani (2016). Selain itu, konsep Penolakan (*Resistance*) atau Berhelah (*Evasive*) merujuk kepada lakuan bahasa bersifat dimanipulasikan dengan intuisi

24 Dewan Rakyat Debat 18 Oktober 2023, Bil. 56, 33.

untuk mengelakkan imej negatif di pihak sendiri. Dalam lakuan ini, melalui beberapa penelitian, ahli-ahli Pragmatik mendapati terdapat empat tahap penolakan (*degree of Resistance*) iaitu;

- (i) pelencongan daripada objektif nyata soalan diajukan;
- (ii) penolakan positif dengan secara halus mengubah terma dan prasyarat soalan;
- (iii) mengkaburkan parameter atau batasan agenda; dan
- (iv) mengubah langsung parameter topik perbualan.

Didapati selalunya ahli-ahli politik melakukan penolakan dengan cara menambahkan *Topical Agenda* atau *Action Agenda* baharu secara bergerak sebagai kebalikan beban merespons (*reverse of responding burden*) antara ahli politik dan lawan bicaranya. Apabila kebalikan itu berhasil dikenakan ke atas lawan bicaranya, pertentangan atau hubungan binari yang membolehkan perpindahan beban akan terganggu lantas kesan daripada beban merespons (*consequence of responding to the question*) tidak lagi ditanggung oleh ahli politik berkenaan.

Tambah Clayman (2001) lagi, salah satu indikator lakuan ini adalah apabila ahli politik berkenaan mempertimbangkan bahawa kesan buruk Penolakan (*Resistance*) itu lebih rendah berbanding menuruti menjawab sebagaimana dikehendaki *Topical Agenda* atau *Action Agenda* soalan. Data 3 di bawah merupakan contoh jawapan yang diteliti yang menepati fitur dan lakuan Respons Berhelah;

Data 3: DR 16 Oktober 2023²⁵

YB Petaling Jaya: Okey, terima kasih. Tadi, disebut bahawa di pihak Perikatan Nasional tidak akan sama sekali bersetujui dengan kegiatan yang tidak bermoral untuk membangunkan ekonomi.

Soalan saya adalah, adakah cara pembangunan ekonomi Perikatan Nasional dibuat melalui dengan penambahan cabutan khas perjudian yang berlangsung, yang dinaikkan daripada lapan kali kepada 22 kali semasa pemerintahan Perikatan Nasional?

YB Larut: Terima kasih, Petaling Jaya. Mungkin sebab itu menyebabkan Yang Berhormat Senator Zafrul diambil, dan ditukarkan ke Kementerian MITI... [*Tepuk*]

YB Petaling Jaya: *Collective responsibility*. Yang Berhormat Larut, Kabinet ada *collective responsibility*, dengan izin. Terima kasih.

Analisis dengan data 3 adalah seperti di bawah;

Konteks: Interaksi lisan antara YB Petaling Jaya di pihak Kerajaan dan YB Larut di pihak Pembangkang berkenaan konsep pembangunan ekonomi bermoral dan cabutan undi.

Topical Agenda: YB Pembangkang mempertikaikan imej moral (*moral ground*) dalam konsep pembangunan ekonomi semasa kerajaan PN mentadbir melalui tindakan yang diimplikaturkan YB Kerajaan tersebut sebagai kontradiktif iaitu menambah jumlah cabutan khas perjudian daripada lapan kali kepada 22 kali.

Action Agenda: [*Ayat Pertanyaan Retorik*] Menanyakan; “adakah cara pembangunan ekonomi Perikatan Nasional ... dengan penambahan cabutan khas perjudian ... yang dinaikkan daripada lapan kali kepada 22 kali semasa pemerintahan Perikatan Nasional?”

Respons: YB Kerajaan merespons kembali secara berhelah iaitu mengaitkan “*pengambilan*” salah seorang yang dahulunya Menteri Kabinet PN yang berautoriti menentu jumlah cabutan khas judi telah dilantik semula dalam Kabinet semasa PH.

Pertikaian ditimbulkan oleh AP Kerajaan terhadap Ketua Pembangkang semasa giliran perbahasan peringkat dasar Belanjawan 2024 oleh Ketua Pembangkang. Pencelahan dibenarkan tersebut dimanfaatkan dengan intuisi mencabar imej moral pihak Pembangkang sebagai *Topical Agenda*. Pada *Action Agenda* pula, soalan retorik yang mempunyai nilai implisit diajukan sebagaimana dinyatakan di atas.

Respons daripada Ketua Pembangkang pula jelas dengan karakteristik keberhelahan (*evasiveness*) yang didapati pada parameter berikut; kehendak untuk menukar topik daripada memfokuskan tentang konsep pembangunan ekonomi bermoral PN kepada pernyataan tentang pelantikan semula seorang bekas Menteri Kewangan PN ke dalam Kabinet semasa PH. Selain itu, didapati pada aspek kuantiti iaitu struktur dan kompleksiti ayat, respons tersebut boleh dikatakan sangat ringkas iaitu dengan hanya satu ayat sahaja. Pada aspek tahap penolakan pula, didapati respons balas YB Pembangkang tersebut memberi impak pada tahap pelencongan daripada objektif nyata soalan diajukan dan penolakan positif secara halus mengubah terma dan prasyarat dituntut dalam soalan.

Kesan akhir Respons Berhelah ini secara sederhana, iaitu berjaya menterbalikkan beban merespons (*reverse of responding burden*) kepada YB Kerajaan yang bertanya dan menjaga imej di pihak Pembangkang. Kesederhanaan ini adalah kerana, fakta disebutkan YB Kerajaan iaitu kerajaan PN dahulunya mengadakan cabutan sebanyak 22 kali tidak disanggah dengan . diberikan Respons Langsung.

Pertimbangan ini adalah kerana, kesan penolakan (*resistance*) melalui Respons Berhelah ini kurang implikasi negatifnya berbanding Jawapan Langsung iaitu menjawab 'Ya-Tidak' tentang pernyataan YB Kerajaan.

Pelanggaran maksim grice (1975) sebagai respons berhelah

Titik mula kajian Respons Berhelah (*Evasive Respons*) dalam disiplin Pragmatik, bermula daripada kajian silang-bidang iaitu fenomena semiosis antara lakuan-lakuan bahasa, makna dan simbol dalam medan khusus iaitu wacana Politik.

Awalnya, penelitian ini bermula hanya bertumpu kepada lakuan bahasa dan sistem kesopanan masyarakat di England. Kemudian, setelah 40 tahun penelitian dan perbahasan yang berkembang pesat pada tahun 1975, Profesor Herbert Paul Grice daripada University of California, Berkeley, antara pakar Pragmatik terkemuka telah menggagaskan sebuah model maksim universal tentang sistem kesopanan yang dinamakan sebagai Maksim Kerjasama Grice (*Grice Cooperation Maxims*).

Asas kepada model ini adalah mewujudkan komunikasi produktif dan efektif dengan pematuhan kepada beberapa prasyarat © "*make your conversational contribution such as is required, at the stage at which it occurs, by the accepted purpose or direction of the talk exchange in which you are engaged. One might label this the COOPERATIVE PRINCIPLE*" (Grice, 1989). Menariknya, daripada Maksim Kerjasama Grice (1975) inilah munculnya beberapa teori lain iaitu Teori Kesopanan dan aliran Neo-Gricean Pragmatics (Lindblom, 2001).

Menurut Al-Sahlane, & Abd Al-Muhsen (2021), konsep berhelah (*evasive*) merupakan hasil lanjutan yang bertitik tolak daripada perbahasan konsep utama Maksim Kerjasama Grice iaitu Konsep Air Muka Positif (*Positive Face*). Perbahasan tentang konsep utama tersebut terutamanya yang memanfaatkan data-data daripada wacana politik melanjutkan lagi kepada gagasan tiga pola utama menjaga Air Muka, iaitu *Equivocation*, *Evasion* dan *Hedging*. Bagi konsep Berhelah (*Evasive*), para pengkaji memperkembangkannya kepada dua aspek iaitu tahap berhelah (*levels of Evasive*) dan cara berhelah (*ways of Evasive*) seperti berikut;

- (i) mengabaikan soalan (*ignoring the question*);
- (ii) mengakui permasalahan tanpa ingin menangani secara objektif (*acknowledge the question without answering it*);
- (iii) menanyakan kembali soalan (*question the question*);
- (iv) menyerang soalan (*attacking the question*);
- (v) menyerang penanya (*attacking the interviewer*);
- (vi) menolak untuk menjawab (*declining to answer*);
- (vii) membuat pernyataan politik (*making a political point*);
- (viii) memberi jawapan tidak lengkap (*incomplete answer*);
- (ix) mengulangi jawapan kepada soalan (*repeating answer to question*);
- (x) berpendapat bahawa soalan telah dijawab (*stating that the question has been answered*); dan
- (xi) memohon maaf (*apologising*)²⁶

Menurut beberapa pengkaji, dengan menambat atau meneliti pengertian besar Lakuan Bahasa Berhelah (*Evasive Speech Act*) kepada teori utama yang telah mantap seperti Maksim Kerjasama Grice (1975) sebenarnya sangat membantu menerangkan objektif lakuan bahasa yang umumnya sangat dinamik, relatif dan kompleks kerana ketiga-tiga sifat itu berkait dengan sistem makna, latar dan budaya.

Analisis kandungan dilakukan terhadap set Penyata Rasmi dan didapati terdapat beberapa bentuk perbahasan berhelah (*evasive*) yang paling ketara melanggar Maksim Kerjasama Grice (1975). Tinjauan mendapati, umumnya, data-data yang dinilai sebagai Lakuan Bahasa Berhelah menunjukkan beberapa fitur ketara seperti kekurangan penjelasan (*under-description*), tidak relevan (*irrelevant*) dan ujaran kabur (*vague utterances*). Berdasarkan sumber, jenis-jenis helahan yang melanggar Maksim Kerjasama Grice adalah seperti yang berikut;

26 M. K. A., Al-Sahlanee & D. A. A., Al-Muhsen, "A Pragmatic Analysis of Evasion in Political Interviews *PalArch's Journal of Archaeology of Egypt/Egyptology* (2021) 18(10), 3078-3099.

Mengelak jawapan tindakan, hanya bujukan jaminan

Data 4: DR 30 Oktober 2023²⁷

YB Puncak Borneo: Yang Berhormat Menteri, sebelum – saya nak – sebab pencelahan hari itu. Terima kasih atas penjelasan dan juga data-data yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Menteri. Tetapi, saya rasa jurangnya itu saya dengar dengan teliti tadi, masih terlalu besar. Jadi, kalau boleh saya nak mencadangkan demi untuk kebaikan kita semua.

Sebab, kita di dalam tiga wilayah ini, Sabah dan Sarawak sepatutnya kita diberi kesamarataan. Kalau boleh, kita juga boleh kena ada wakil dalam lembaga perjawatan awam itu dan di dalam SPA itu sendiri kena ada wakil Sabah dan Sarawak. Supaya mereka ini boleh menjadi wakil kita untuk meneliti segala kebaikan yang boleh diformulasikan bersama untuk kebaikan bersama.

Kita tak nak menidakkan hak wilayah, Semenanjung atau sebagainya, tetapi kita cuma sebenarnya dalam Perjanjian MA63 itu tadi komposisi ini kena adil. Tetapi, mungkin pada masa itu, mungkin kita terima hakikat orang Sarawak belum mencapai tahap pendidikan yang dikehendaki pada ketika itu dan secara tidak langsung dia *is become eroded* dia, secara tidak langsung.

Lack of better word, dia dinodai secara tidak sengaja. Jadi, sekarang ini kita telah mempunyai ramai anak-anak Sarawak, anak-anak Sabah yang mempunyai pendidikan tinggi. Jadi, sudah sampai masanya perkara ini harus dipertimbangkan dan diperhalusi.

Saya mohon pertimbangan Yang Berhormat Menteri, selaku Menteri yang menjaga perkara ini memperjuangkan hak kitalah. Kita tidak mengambil hak orang lain, kita cuma minta apa yang – *what is due to us*, dengan izin. Terima kasih.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas): Terima kasih Yang Berhormat. Sungguhpun pemilihan ataupun pengambilan pegawai-pegawai dan anggota kakitangan sokongan dalam perkhidmatan awam ini tidak menetapkan syarat perwakilan kaum, wilayah dan sebagainya, namun saya fikir cadangan dan *consent*, dengan izin yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi merupakan satu perkara baik yang perlu diambil kira untuk memastikan perwakilan yang lebih baik, meliputi semua aspek.

Kalau boleh saya kongsiikan Tuan Yang di-Pertua, kerana ada pihak tertentu yang mungkin membangkitkan jumlah penjawat awam daripada

27 Dewan Rakyat Debat 30 Oktober 2023, Bil 62, 63.

bangsa Melayu yang terlalu ramai. Namun ingin saya kongsi, kalau dilihat jumlah itu memang ramai, tetapi kalau kita lihat daripada peratus pelantikan contohnya.

Kalau bangsa Melayu contohnya, jumlah yang memohon adalah seramai 952,300 orang dan yang dilantik adalah 16,126. Ini bermaksud daripada jumlah permohonan 952,000 tersebut, hanya 1.69 peratus permohonan yang berjaya. Apa pun, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi merupakan satu perkara yang amat baik untuk memastikan integrasi antara kaum dan juga wilayah itu juga dapat diterjemahkan dalam komposisi perkhidmatan awam kita.

Menurut Abidin & Jan (2023), apabila Lakuan Bahasa Berhelah (*Evasive Speech Act*) digunakan, akan berlaku pelanggaran terhadap tiga maksim utama Grice, iaitu Kuantiti (*Quantity*), Hubungan (*Relation*) dan Cara (*Manner*). Data 4 di atas menunjukkan pelanggaran ketiga-tiga yang disebutkan apabila jawapan Menteri yang meskipun bersetuju dengan YB Puncak Borneo, tetapi mengelak untuk memberikan pernyataan tindakan objektif dan konkrit sebagaimana dituntut sebagai *Action Agenda*.

Menurut Abidin & Jan (2023), bagi jenis berhelah ini, biasanya respons balas yang diberikan berbentuk panjang berjela-jela yang akan "meredakan" beban tuntutan asal iaitu "... lembaga perjawatan awam itu dan di dalam SPA itu sendiri kena ada wakil Sabah dan Sarawak".

Analisis kandungan mendapati, dalam respons balas yang dikemukakan, pelanggaran Maksim Relevan berlaku disebabkan oleh respons balas YB Menteri tidak ada pernyataan operatif sama ada berbentuk "bersetuju-tidak bersetuju" atau "akan dilakukan-tidak akan dilakukan". Ringkas dalam respons balas tersebut menyatakan tiga poin berikut;

- (i) "... pengambilan pegawai-pegawai dan anggota kakitangan sokongan dalam perkhidmatan awam ini tidak menetapkan syarat perwakilan kaum, wilayah",
- (ii) "... ada pihak tertentu yang mungkin membangkitkan jumlah penjawat awam daripada bangsa Melayu yang terlalu ramai" dan
- (iii) statistik sokongan iaitu "... daripada jumlah permohonan 952,000 tersebut, hanya 1.69 peratus permohonan yang berjaya".

Maksim Cara (*Manner*) pula dilanggari dengan cara tidak menjelaskan lanjut apakah langkah-langkah lanjut pernyataan komitmen "... yang perlu diambil kira". Memandangkan respons balas dalam Data 4 di atas

tidak mempunyai pernyataan operatif sebagaimana diminta lantas respons balas tersebut melanggar maksim kuantiti disebabkan oleh kekurangan penjelasan (*under-decribed*) yang relevan.

Mengakui permasalahan tanpa ingin menangani isu berbangkit

Menurut Abidin & Jan (2023) ketiga-tiga maksim kerjasama juga boleh terjejas apabila respons yang diberikan bersifat mengakui dan memperakui isu di peringkat *Topical Agenda*. Namun, kelompangan besar pada pengesahan dan perakuan itu adalah tidak adanya langkah-langkah operatif sebagaimana yang dinyatakan di peringkat *Action Agenda*.

Data 5 menunjukkan respons yang proposional dengan jenis berhelah kedua ini.

Data 5: DR 30 Oktober 2023²⁸

YB Titiwangsa: Saya setuju. Yang Berhormat Menteri, saya setuju apa ini kerajaan cuba mengimbangi ini tetapi kita ada satu faktor yang sangat penting juga kita mempertimbangkan iaitu ketidakcukupan *production* beras putih tempatan sebab kita tahu kita cuma ada 62 peratus sahaja, 61, 62 peratus. Jadi kalau kita nak seimbangkan di antara pesawah, pengilang, pengedar dan peruncit, kita ingin meningkatkan harga padi supaya ramai pesawah-pesawah ini berminat untuk tanam padi sebab dia dapat untung yang agak munasabah.

Kemudian kita dalam masa yang sama, apabila kita sekat harga RM26 ini, adakah Yang Berhormat Menteri merasakan bahawa itu sudah jadi macam dah tak *balance*? Dalam satu peringkat, pesawah nak harga padi yang baik. Kemudian, bila nak jual, tak boleh lebih daripada RM26 sedangkan beras-beras import semua boleh jual.

Bagaimanakah kita mengimbangi ini untuk memastikan bahawa satu hari nanti kita mempunyai beras yang mencukupi, yang dikeluarkan oleh negara kita sebab kita ada *short* lebih kurang dalam 37 peratus. Apakah tindakan Menteri jangka masa panjang atau kerajaan untuk memastikan perkara ini? Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan: Macam saya sebut tadilah kerajaan bertindak untuk *balance* supaya rakyat, pihak majoritinya berpuas hati. Itu yang – kalau nak ikut bermain dengan harga, ini RM2.60 ini sekilo adalah harga tahun 2008. Saya ingat saya Tingkatan 5 dahulu, mi rebus RM1. Kalau bubuh telur, RM1.20. Tapi sekarang mi rebus sudah

RM6, RM7 tapi kita kena ingat, harga beras 2008 RM26 untuk 10 kilo sampai sekarang. Jadi, apakah perlu perubahan harga itu?

Sebab itulah kita lihat Kementerian Ekonomi, Kementerian Kewangan, KPKM kena berbincang dan supaya kalau berlaku kenaikan dan sebagainya, ia dapat dinikmati oleh semua pihak, *win win*. Jadi pandangan Titiwangsa itu berkali-kali beliau mengatakan supaya biarlah sedikit sebanyak pasaran menentukan daripada kongkongan itu. Tapi kita akan lihat ini dari masa ke semasa.

Perdana Menteri kita ini amat susah untuk menaikkan suatu harga. Dia berbincang berkali-kali walaupun saya mengadu kepada Menteri Kewangan, lepas itu mengadu kepada Perdana Menteri tetapi dia tetap dengan pandangan-pandangannya, sikap pro-rakyat itu. [Tepuk]

Data 5 di atas berbeza dengan data-data sebelumnya kerana melibatkan dua pihak dari blok yang sama iaitu blok Kerajaan. Latar konteks perbahasan di atas berhubungan dengan permasalahan dasar kerajaan iaitu antara dua pilihan iaitu sama ada kekal mengawal harga beras putih tempatan atau mengapungkan harga bagi mewujudkan pasaran lebih kondusif yang pantas mencapai sasaran kadar sara diri negara. YB Titiwangsa membekalkan juga unsur penambahan dalam ujarannya iaitu data bahawa Malaysia dalam kadar 37 peratus masih bergantung kepada beras putih dari luar.

Ujaran YB Titiwangsa secara literal menanyakan jawapan menuntut respons berbentuk operatif seperti mekanisme atau formula khusus telah dirangka untuk mengimbangi kedua-dua keperluan tersebut; *“adakah Yang Berhormat Menteri merasakan bahawa itu sudah jadi macam dah tak balance?”*; *“Bagaimanakah kita mengimbangi ini untuk memastikan bahawa satu hari nanti kita mempunyai beras yang mencukupi”* dan *“Apakah tindakan Menteri jangka masa panjang atau kerajaan untuk memastikan perkara ini?”*

Walau bagaimanapun, didapati respons daripada YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, kurang memperlihatkan respons konkritif. Inti respons beliau adalah seperti berikut

- (i) Kerajaan memang bertindak untuk mengimbangi supaya rakyat berpuas hati;
- (ii) Memasukkan data daripada pengalaman peribadi dan perbandingan harga antara tahun;
- (iii) Menyatakan KPKM mengadakan perbincangan dengan Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan supaya mencapai keputusan menang-menang;

- (iv) Mengakui akan melihat pandangan YB Titiwangsa; dan
- (v) Memasukkan unsur penambahan bahawa Perdana Menteri keberatan untuk menggunakan kaedah mengapungkan harga kerana sikap prorakyat.

Hasil penelitian kandungan mendapati, ketiga-tiga soalan yang diajukan, dijawab secara umumnya sebahagian-sebahagian. Juga, terdapat dua pelanggaran maksim berlaku iaitu Maksim Hubungan dan Maksim Kaedah.

Pelanggaran Maksim Hubungan dilihat pada pernyataan YB Menteri yang dengan baik memberi respons kepada kedua-dua aspek iaitu *Topical Agenda* tetapi tidak dalam *Action Agenda*. YB Menteri menyatakan bahawa beliau memang menyedari terdapat kesan buruk daripada dasar semasa yang merugikan industri beras putih tempatan lantas menghalang negara mencapai tahap ekonomi sara diri yang baik. YB Menteri juga memberikan jaminan bahawa daripada semasa ke semasa akan berbincang dengan tiga kementerian besar lain untuk menemukan keputusan menang-menang dalam ekosistem bekalan beras putih. Namun YB Menteri tidak setuju dengan kehendak implisit YB Titiwangsa kerana lebih cenderung untuk mengawal harga beras putih. Ini jelas disebut pada pernyataan bahawa sikap Perdana Menteri lebih ingin menjaga kebajikan disebabkan oleh beras adalah makanan ruij rakyat.

Terdapat pelanggaran pada Maksim Kaedah iaitu pada soalan kedua, *Action Agenda* dituntut oleh YB Titiwangsa secara literal menanyakan sama ada Kerajaan mempunyai mekanisme atau formula mengimbangi masalah ini. Walau bagaimanapun, ia direspons dengan pernyataan kurang relevan iaitu "*Kementerian Ekonomi, Kementerian Kewangan, KPKM kena berbincang*". Juga apabila diajukan soalan berkenaan tindakan jangka masa panjang mengenai masalah dibangkitkan, dijawab dengan "... kita akan lihat ini dari masa ke semasa."

Pelanggaran pada Maksim Hubungan dan Maksim Kaedah ini asasnya disebabkan oleh respons-respons kabur, tidak konkritif dan lantas memberi kesan negatif. Maksim Hubungan menuntut supaya respons balas berkait rapat terutamanya pada peringkat *Action Agenda*. Pelanggaran maksim kaedah pula adalah disebabkan oleh dua contoh jawapan yang dipetik di atas juga tidak praktikal dan konkrit meskipun ia diiringi dengan pernyataan komitmen.

Menyatakan tindakan lepas untuk menangani tuntutan terkini

Selain daripada menyatakan komitmen tetapi tiada langkah praktikal, didapati juga terdapat pola berhelah yang memanfaatkan langkah-langkah yang telah diambil pada masa lalu untuk menangani tuntutan *Action Agenda* yang terbaharu. Menurut Abidin & Jan, (2023), jenis berhelah ini melanggar tiga maksim Grice, iaitu Maksim Kuantiti dan Maksim Hubungan. Di bawah merupakan Data 5 yang didapati bercirikan jenis berhelah sebegini;

Data 6: DR 2 November 2023²⁹

YB Beluran: Dato' Seri, jika dibanding peruntukan pembangunan untuk Sabah RM6 bilion tahun ini dengan Pahang RM3 bilion. Dia tidak boleh *compare* macam itu kerana Pahang lebih di hadapan. Sabah, *a lot of catching up. A lot of catching up. We have been deprived of a proper allocation.*

Saya hargai peruntukan tambahan interim itu yang dinaikkan daripada RM120 *something* kepada RM300 juta tahun ini. Itu merupakan satu penambahan yang agak signifikan, tetapi kalau asas penambahan itu dilihat daripada Perjanjian Malaysia 63, *then it is-it should be more than RM300 million* kerana kalau kita tengok peruntukan Perlembagaan Persekutuan 1, 2(c) dengan (d), *it should be 40 percent of whatever is collected.*

So, is this government going to look into that, the 40 percent supaya pemberian interim itu dapat ditambah dan boleh digunakan oleh Kerajaan Negeri Sabah bagi menguntukkan tambahan peruntukan dana permohonan bagi negeri.

So, kita hargai 6 bilion tetapi jika dibanding dengan Pahang 3 bilion, definitely is not comparable kerana Pahang lebih ke hadapan dari segi infrastruktur, perolehan infrastruktur.

YAB Perdana Menteri: Terima kasih. Betul, saya tidak pertikai prinsip itu. Cuma, macam pembayaran khas interim. Ini kali pertama Kerajaan Perpaduan lakukan dan tidak dibuat sebelumnya. Itu kena akui.

Keduanya, Yang Berhormat saya akui tetapi jangan lupa bahawa *Pan Borneo* itu belanja yang kita luluskan ini RM16 bilion yang tak termasuk dalam apa yang saya sebutkan tadi. Penjanaan Solar Hibrid Sabah Timur, jaringan talian penghantar elektrik di selatan *Sabah Southern Link* itu semua dilakukan.

Kalau Yang Berhormat menyebut bahawa ini masih berkurang saya setuju tetapi janganlah harapkan untuk satu tahun kita selesaikan masalah yang tertunggak berpuluh-puluh tahun ya.

29 Dewan Rakyat Debat 2 November, Bil 64, 120.

Latar konteks Data 6 berkenaan dengan interaksi antara YB Beluran daripada pihak Pembangkang dan YAB Perdana Menteri semasa penggulangan peringkat dasar Belanjawan 2024. Isu ini mengenai kesenjangan antara peruntukan pembangunan kepada Sabah dan Sarawak dalam Belanjawan 2024 dengan ketetapan yang telah dinyatakan dalam Perjanjian Malaysia 1963.

Topical Agenda adalah sebagaimana yang telah dinyatakan. Beberapa unsur penambahan yang memperkuatkan hujah dimasukkan iaitu menolak perbandingan antara peruntukan RM6 billion kepada Sabah dan RM3 billion kepada Pahang, pengakuan menghargai bantuan interim berjumlah RM300 juta dan ketiganya pertikaian yang utama, iaitu tentang jumlah sewajarnya Kerajaan patuh kepada jumlah sebenar berdasarkan Perjanjian Malaysia 1963 iaitu RM300 juta berbanding hanya memberi peruntukan tahunan RM6 billion ditambah RM300 juta.

Manakala, bagi *Action Agenda* terdapat pada ayat; “*So, is this government going to look into that, the 40 percent supaya pemberian interim itu dapat ditambah dan boleh digunakan oleh Kerajaan Negeri Sabah bagi menguntukkan tambahan peruntukan dana permohonan bagi negeri*”. Respons balas daripada pihak Kerajaan menunjukkan dua pelanggaran maksim iaitu kuantiti dan hubungan.

Pada pelanggaran maksim kuantiti, didapati *Action Agenda* yang menuntut respons sama ada pihak Kerajaan berkehendak atau tidak untuk mematuhi jumlah pembangunan berdasarkan MA63 tidak dijawab secara literal dan jelas. Didapati respons pihak Kerajaan sebaliknya adalah meminta pihak Pembangkang mengakui bahawa;

- (i) pembayaran interim adalah dasar baharu yang baik dilakukan oleh pihak Kerajaan;
- (ii) menggunakan projek-projek pada masa kerajaan sebelumnya iaitu Lebuhraya Pan Borneo, Solar Hibrid Sabah Timur dan Sabah Southern Link; dan
- (iii) mengakui bahawa komitmen dalam perjanjian MA63 masih belum ditunaikan dan meminta untuk mengakui bahawa ia tidak boleh diselesaikan dengan segera.

Akan tetapi, penelitian mendapati bahawa respons balas daripada YAB Perdana Menteri ini sememangnya sangat baik pada maksim kualiti kerana masih kekal dalam parameter *Topical Agenda*. Ketiga-tiga poin dalam pernyataan selari dengan tuntutan soalan dengan memberikan maklumat tentang sumbangan daripada Kerajaan kepada negeri Sabah.

Ini diperkuatkan lagi dengan meneliti lakuan beban kebertanggungjawaban dan nilai tambahnya kepada imej Kerajaan. Didapati, respons balas berbentuk memperakukan dahulu masalah dan kemudiannya menyatakan secara terperinci dasar yang telah dan sedang diambil, dilihat memberi nilai positif kepada pihak Kerajaan. Ini kerana, beban kebertanggungjawaban yang diletakkan atas pihak Kerajaan itu berhasil dineutralkan sekali gus mengangkat imej di pihak Kerajaan sebagai pihak yang realistik dan secara praktikalnya sedang berusaha ke arah pembetulan.

Dalam pada masa yang sama, strategi ini bersifat berhelah kerana salah satu dasar konkrit yang disebutkan oleh pihak Kerajaan itu adalah program-program lampau, produk daripada bukan kerajaan semasa. Ini melanggar maksim hubungan kerana pihak Kerajaan memberikan informasi yang tidak dituntut dalam soalan.

Memindahkan beban kebertanggungjawaban kepada pihak lain

Jenis berhelah ini asasnya melanggar prinsip kuantiti dan hubungan dengan cara memindahkan beban untuk memberikan respons balas kepada pihak lain yang sama penting dengan tujuan untuk menjauhkan penanya kepada isu; "... *distancing the questioner from the issues.*" (Abidin & Jan, 2023). Data yang menunjukkan ciri sebegini adalah seperti di bawah;

Data 7: DR 30 Oktober 2023³⁰

YB Kota Bharu: Yang Berhormat, soalan saya tak jawab Yang Berhormat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi): Kejap, kejap. Satu-satulah Yang Berhormat. Kemudian Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 — apa dia Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa sudah tamat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi): Oh, kejap. Kerajaan — soalan Yang Berhormat berkenaan dengan SPRM? Tentang apa?

YB Kota Bharu: Damansara membangkitkan siasatan dibuat, tidak ada pendakwaan. Saya membangkitkan tidak ada siasatan yang lengkap dibawa ke mahkamah dan kemudiannya dibuang oleh mahkamah. Kenapa jadi begitu?

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi): Yang Berhormat sebab *separation of power*-lah saya tak boleh jawab. Saya bukan Menteri yang — *Commissioner for SRPM* untuk

30 Dewan Rakyat (n 27) 47

menjawab pada hari ini dan saya juga bukan Pendakwa Raya dan juga bukan Ketua Hakim Negara...

YB Kota Bharu: So, siapa Menteri yang jaga SPRM sekarang?

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi): Saya pada saya setakat ini jawapan saya ialah saya bukan Menteri yang jaga SPRM. Saya tak bertanggungjawab.

YB Kota Bharu: Saya dulu jawab mengenai SPRM Yang Berhormat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi): Saya boleh jawab tapi saya bukan bertanggungjawab. Jawab itu berlainan dengan bertanggungjawab. Jawab itu saya dapat jawapan yang diberi.

YB Kota Bharu: Jadi tak bertanggungjawablah sekarang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi): Tapi kalau saya nak jawab. Saya boleh bagi jawapan bertulis tapi saya nak jawab sekarang kesediaan saya kepada isu-isu yang saya nak jawab dalam belanjawan. Yang Berhormat bawa isu tentang belanjawan. Yang Berhormat tanya pada SPRM, saya boleh bagi jawapan bertulis, secara spesifik. Tak ada masalah.

YB Kota Bharu: Saya minta jawapan bertulis. Saya minta jawapan bertulis.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi): Tak adanya Kerajaan Perpaduan Madani nak lari pada tanggungjawab. Tak adanya. [*Tepuk*]. Kalau salah, tetap salah. Tapi sebelum saya duduk. Saya baca sosial media ini. Saya tahu saya nak duduk ini — yang lain saya akan bagi jawapan bertulis supaya jangan kata Kerajaan Perpaduan Madani ini lari daripada tanggungjawab.

Latar konteks interaksi di atas berlaku semasa penggulungan sesi dasar oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi). Berlaku pencelahan oleh pihak Pembangkang oleh YB Kota Bharu yang meminta penjelasan pada pernyataan; "*Saya membangkitkan tidak ada siasatan yang lengkap dibawa ke mahkamah dan kemudiannya dibuang oleh mahkamah*". Interaksi tidak menyatakan secara spesifik kes yang dirujuki oleh YB Kota Bharu.

Topical Agenda adalah ialah apabila YB Kota Bharu meminta Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) memberikan respons mengenai salah satu agensi di bawahnya iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Didapati, respons daripada pihak Kerajaan di peringkat *Topical Agenda* adalah relevan kerana masih dalam memperkatakan isu yang sama. Manakala, bagi *Action Agenda* pula, terdapat beberapa pelanggaran maksim yang berlaku.

Pelanggaran Maksim Kuantiti dan Maksim Hubungan dikenal pasti apabila tiada maklumat yang relevan berkenaan mengapa terdapat kes yang telah disiasat dan disabitkan tetapi telah dibuang di peringkat perbicaraan mahkamah dalam respons balas pihak Kerajaan. Lebih jelas, poin kedua Menteri pada pernyataan; “... *separation of power-lah saya tak boleh jawab. Saya bukan Menteri yang — Commissioner for SRPM untuk menjawab pada hari ini dan saya juga bukan Pendakwa Raya dan juga bukan Ketua Hakim Negara*” dan dinyatakan lagi “*jawapan saya ialah saya bukan Menteri yang jaga SPRM. Saya tak bertanggungjawab*” menepati jenis berhelah yang disebutkan sebelumnya.

Selain itu, kesan kepada respons maklum balas ini juga sama seperti jenis berhelah ini, iaitu penanya tidak melanjutkan persoalan yang diajukan. Dalam Data 7, YB Kota Bharu meminta supaya pihak Kerajaan menjawab secara bertulis.

Menolak seluruh maksim kerjasama Grice

Menurut Abidin & Jan (2023), perbahasan dalam wacana politik turut dikenal pasti dilakukan secara berhelah dengan cara tidak mematuhi kesemua maksim-maksim (*opting-out*) yang dituntut dalam model kerjasama Grice (1975). Menurut kedua pengkaji itu lagi, jenis pilihan ini dilakukan apabila bentuk pertanyaan yang mengandungi sub-sub soalan dalam pertanyaan diajukan yang membolehkan pihak yang menyoal, untuk menjawab soalan dengan cara berdiam diri (*total silence*). Contoh bagi jenis helah ini adalah seperti berikut;

Data 8: DR 16 Oktober 2023³¹

YB Tasek Gelugor: Dalam kita mempersiapkan rakyat untuk masyarakat menua, rayuan pengeluaran KWSP bersasar bagi rakyat yang terdesak adalah lebih baik dan lebih logik berbanding pengenalan akaun fleksibel atau Akaun 3.

Mewujudkan Akaun 3 yang hampir sama macam savings account biasa di bank-bank adalah tidak logik kerana jumlah simpanan nanti adalah terlalu kecil dan pencaerum terbeban hari ini. Bagaimana mungkin mewujudkan akaun fleksibel tahun 2024 boleh bantu mereka yang tertekan pada hari ini?

Dari segi menggalakkan penabungan dalam KWSP untuk akaun semasa ini pun, kalau nak banding antara tabungan KWSP dengan

31 Dewan Rakyat (n 22) 125

Simpan SSPN lah, contohnya, sebab tadi sebut pasal PTPTN, saya rasa KWSP kalah dari segi insentif yang ditawarkan. Jadi, tidak ada tarikan sebenarnya untuk menabung dalam *savings account* yang macam *savings account* dalam KWSP.

YB Shah Alam: Shah Alam.

YB Tasek Gelugor: Seterusnya...

YB Ipoh Timur: Tasek Gelugor, rasanya apa yang disampaikan...

YB Tasek Gelugor: Seminit lagi.

YB Ipoh Timur: *Liberalism* rasanya.

YB Tasek Gelugor: Nanti.

YB Ipoh Timur: Adakah Tasek Gelugor nak sampaikan *liberalism* ke dalam budaya Malaysia ni?

YB Tasek Gelugor: Saya...

YB Ipoh Timur: Itu dengar liberal. Sering kali kita dengar serangan daripada — kadang-kadang kita ni...

YB Alor Setar: Dato' Speaker, Ipoh Timur ni minta izin dululah. Tak minta izin, terus cakap. Apa ni?

YB Ipoh Timur: Itu adalah *liberalism*!

YB Alor Setar: Ada peraturan Dewan, ikutlah peraturan Dewan! Dewan tak bagi laluan, tak usah bercakaplah Ipoh Timur!

Timbalan Yang di-Pertua: Alor Setar, *you* pun tak bagi laluan pun cakap.

YB Alor Setar: Ya, saya minta maaf. Saya minta dia juga minta maaf. Terima kasih Speaker.

YB Shah Alam: Shah Alam minta laluan.

YB Tasek Gelugor: Yang di-Pertua, saya hilang dekat tujuh minit.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk semua. Sudah tak cukup masa.

YB Tasek Gelugor: Sudah tak cukup masa. Bagi saya habis, boleh ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Tasek Gelugor, gulung.

YB Tasek Gelugor: Bagi saya habis. Seperti yang disebut oleh Ketua Pembangkang, pembangunan ekonomi Malaysia menuntut supaya kita menjadi lebih *pro-growth* dan *pro-business*. Tapi, jangan lupa bahawa ada yang disebut...

YB Ipoh Timur: Liberal.

YB Tasek Gelugor: Adajuga yang disebut oleh Yang Berhormat Larut...

Timbalan Yang di-Pertua: Ipoh Timur.

YB Tasek Gelugor: ...Iaitu pro rakyat.

YB Kuala Krau: Bagi amaran satu ah. Amaran satu.

YB Tasek Gelugor: Kerajaan juga mesti menjadi pro rakyat.

Berdasarkan Data 8 di atas, konteks interaksi berlaku semasa ucapan perbahasan dasar oleh YB Tasek Gelugor, di pihak Pembangkang. Berlaku pencelahan oleh pihak Kerajaan daripada Ipoh Timur yang menjelaskan *Topical Agenda* dalam komunikasi iaitu berkenaan dengan cadangan untuk mengadakan pengeluaran KWSP bersasar berbanding dasar kerajaan untuk mewujudkan Akaun 3 KWSP. Pihak Kerajaan mempertikaikan cadangan ini dan mempersoalkan sama ada langkah membolehkan pengeluaran KWSP bersasar adalah langkah ekonomi liberal.

Backbencher Kerajaan mempersoalkan pihak pembangkang secara pertanyaan retorik sama ada beliau menyokong pemikiran liberalisme dalam budaya Malaysia; “*Adakah Tasek Gelugor nak sampaikan liberalism ke dalam budaya Malaysia ni?*”. Respons kepada soalan tersebut memperlihatkan ciri pelanggaran seluruh Maksim Kerjasama Grice iaitu Kualiti, Kuantiti, Hubungan dan Kaedah pada ayat; “*Yang di-Pertua, saya hilang dekat tujuh minit.*” Pada Maksim Kualiti dan Maksim Kuantiti, jawapan tersebut tidak membekalkan maklumat relevan dan struktur kepanjangan adalah ringkas. Ini tidak memenuhi keperluan maksim Kualiti dan Kuantiti.

Selain itu, berdasarkan ayat tersebut, YB Pembangkang tersebut tidak membalas kepada pertanyaan YB Kerajaan, sebaliknya mengalihkan ucapannya kepada Timbalan Yang di-Pertua yang lantas melanggari Maksim Hubungan. Dengan tidak melayan pertanyaan tersebut dan lalu meneruskan kepada topik “*pembangunan ekonomi Malaysia menuntut supaya kita menjadi lebih pro-growth dan pro-business ... pro rakyat ...*” dan sekaligus tidak menepati tuntutan Maksim Kaedah yang mensyaratkan Respons perlu kekal dalam *Topical Agenda* yang dibincangkan.

Kesimpulan

Berdasarkan dua objektif dalam kajian ini, terdapat beberapa kesimpulan yang perlu ditekankan. Pertama, ketiga-tiga bentuk Respons telah dikenal pasti terdapat dalam lingkungan data-data iaitu semasa perbahasan peringkat dasar Belanjawan 2024. Ketiga-tiga bentuk Respons mempunyai fitur-fitur distingtif yang dinamik antara satu dengan yang lain.

Menurut Abidin, & Jan (2023) dalam kajian mereka, daripada segi kesan kepada imej, didapati Respons Langsung berupaya memberikan imej positif dengan menonjolkan kualiti kompetensi, berjaya menonjolkan relevansi menguasai isu dibangkitkan di pihak Kerajaan.

Manakala, bagi Respons Tidak Langsung, jenis ini diimplimentasikan apabila berlaku secara implisitnya ketidaksetujuan atau pertentangan pandangan antara pihak Kerajaan dan Pembangkang (Abidin & Jan, 2023). Walau bagaimanapun, Respons Langsung tidak boleh diberikan kerana diandaikan akan memberikan impak buruk kepada imej pemberi respons. Oleh sebab itu, dengan intuisi mengelakkan pertembungan dasar secara terang-terangan (*blatant collision*) yang berpotensi merugikan, pemberi respons akan memilih untuk mengurangkan magnitud melalui Respons dengan pelbagai andaian makna. Berdasarkan data juga, didapati Respons Tidak Langsung digunakan untuk lebih memfokuskan kepada justifikasi moral iaitu pemberi respons mempunyai cara lain untuk mencapai matlamat atau dipersoalkan.

Berdasarkan data Respons Berhelah, didapati jenis ini digunakan apabila pemberi respons atau pihak yang ditanya telah mengenal pasti beberapa praandaian (*presuppositions*) yang melahirkan keyakinan daripada awal bahawa sebarang apapun Respons diberikan akan memberikan impak negatif pada magnitud yang tinggi. Respons Berhelah mempunyai beberapa fitur iaitu menjarakkan posisi pemberi respons sebagai pihak utama yang bertanggungjawab, menyatakan bahawa terdapat langkah yang telah dilakukan dan meletakkan tanggungjawab tersebut di pihak yang lain. Selain itu, ciri keberhelahan (*evasiveness*) juga dikenal pasti pada tindakan pemberi respons dengan mengubah tuntutan kepada *Action Agenda* meskipun masih kekal relevan dalam *Topical Agenda* yang sama. Penelitian juga mendapati, bagi Respons Berhelah, pemberi respons memberikan Respons yang hanya menjawab separuh atau sebagaimana dinyatakan sebelumnya, tidak menjawab.

Meneliti lakuan Bahasa Berhelah (*Evasion Language*) dalam wacana Parlimen membantu memperkembangkan penyelidikan untuk memahami bagaimana dan mengapa bentuk-bentuk ini dimanipulasikan dalam persoalan lebih besar yang mencorak imej dan legitimasi Kerajaan dan Pembangkang.

Rujukan

A. G. Hassan, & W.R. Fadzim, "Strategi Rancangan Pembangunan Ekonomi Negara" dalam A. A. G. Hassan (ed.), *Halatuju dan Cabaran Pembangunan Sektor dan Sumber Manusia dalam Rancangan Malaysia Kesembilan* (UUM Press, 2007).

Cambridge University Press & Assessment, "Evasive", *Cambridge Dictionary* (2024) <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/evasive> diakses pada 31 Disember 2023).

- Dewan Bahasa dan Pustaka, "Evasive", *Kamus Inggeris-Melayu Dewan* (2012) <<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=evasive&d=172780&#LIHATSINI>> diakses pada 31 Disember 2023.
- Dewan Rakyat Debat 16 Oktober, Bil. 54, 119.
- Dewan Rakyat Debat 17 Oktober, Bil. 55, 71-72.
- Dewan Rakyat Debat 18 Oktober 2023, Bil. 56, 33.
- Dewan Rakyat Debat 30 Oktober 2023, Bil 62, 63.
- Dewan Rakyat Debat 2 November 2023, Bil 64, 120.
- G. Goss, & L. Williams, "The Effects of Equivocation on Perceived Source Credibility" (1973) 24(3), *Communication Studies* 162.
- H.P. Grice, "Logic and Conversation" dalam P. Cole and J. J. Morgan, (eds.) *Syntax and Semantics* (Academic Press, 1975).
- HarperCollins Publishers, "Evasive", *CollinsDictionary.com* (2024) <<https://www.collinsdictionary.com/dictionary/english/evasive>> diakses pada 31 Disember 2023.
- I. Aman, "Manifesto Pilihan Raya Dan Prestasi Parti Politik Utama Malaysia Dalam Pilihan Raya Umum Ke-13: Suatu Analisis Linguistik" (2014) 10(4) *Malaysian Journal of Society and Space* 65.
- J. Faaland, *Dasar Ekonomi Baru: Pertumbuhan Negara Dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu*. (Utusan Publications, 2005).
- J. Thomas, "Meaning in Interaction: An Introduction to Pragmatics". (Pearson Education, 1995).
- J.T. Dillon, *The Practise of Questioning* (Routledge, 1990).
- J. B. Bavelas, A. Black, L. Bryson, & J. Mullett, "Political Equivocation: A Situational Explanation" (1988) 7(2), *Journal of Language and Social Psychology* 137.
- J. Wilson, "Politically Speaking: The Pragmatic Analysis of Political Language" (Blackwell, 1990).
- Jabatan Perdana Menteri, "Pembangunan Ekonomi" (*Portal Rasmi Jabatan Perdana Menteri*, 1 Julai 2019) <<https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/Pembangunan-Ekonomi.pdf>> diakses pada 31 Disember 2023.

- Kementerian Ekonomi, "Horizon Perancangan" (*Portal Rasmi Kementerian Ekonomi*, 19 Oktober 2020 <<https://www.ekonomi.gov.my/ms/pembangunan-ekonomi/pengurusan-ekonomi/horizon-perancangan>> diakses pada 29 Disember 2023.
- Merriam-Webster Inc. "Evasive", *Merriam-Webster Dictionary* (2024) <<https://www.merriam-webster.com/dictionary/evasive#dictionary-entry-1>> diakses kepada 31 Disember 2023.
- M. A., Hamilton, & P. J. Mineo, "A Framework for Understanding Equivocation" (1998) 17(1) *Journal of Language and Social Psychology* 3.
- N. Yatim, "Berjaya Capai Sasaran Pendidikan DEB" *Utusan Malaysia* (Kuala Lumpur, 15 Jun 2022) <https://www.utusan.com.my/rencana/2022/06/berjaya-capai-sasaran-pendidikan-deb/>.
- N.Z. Abidin, & J.M. Jan, "A Pragmatic Analysis of Responses in Malaysian Parliamentary Discourse" (2022) 4(2) *Journal of Pragmatics Research* 92.
- N.Z. Abidin, & J.M. Jan, "Influence of (Non) Observance of Maxims on Evasion in Malaysian Parliamentary Question Time" (2023) 25(1) *K@ta* 1.
- S.E. Clayman, "Conversation Analysis in the News Interview Context" dalam J. Sidnell & T. Stivers (eds.), *The Handbook of Conversation Analysis* (Wiley-Blackwell, 2012).
- S. E. Clayman, "Answers and Evasions" (2001) 30(3), *Language in Society*, 403
- S. Harris, "Evasive Action: How Politicians Respond to Questions in Political Interviews" dalam P. Scannell (ed.), *Broadcast Talk* (Sage, 1991).